

Nama : _____

Tingkatan : _____

Unit 1 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)

PJPK T4

Keluargaan — Kemahiran Keibubapaan

Pilih dan padankan kemahiran keibubapaan berdasarkan huraian di bawah.

Kemahiran berkomunikasi	Suri teladan kepada anak-anak	Kemahiran insaniah
Kemahiran membimbing	Kemahiran mendengar	Kemahiran berbincang

Kemahiran	Huraian
(a)	Ibu bapa perlu menjadi pendengar yang baik untuk mendengar luahan anak-anak sama ada dalam keadaan sedih atau gembira.
(b)	Ibu bapa perlu bersikap memaafkan anak-anak. Namun, hukuman berbentuk pengajaran perlu diterapkan agar mereka belajar daripada kesilapan.
(c)	Ibu bapa perlu menunjukkan minat semasa berkomunikasi seperti memberikan tumpuan, menyesuaikan komunikasi dengan emosi dan mempunyai ilmu memahami perspektif remaja.
(d)	Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak terutama remaja bagi memastikan mereka mempunyai sahsiah yang baik kerana mereka akan mencontohi kelakuan ibu bapa.
(e)	Anak-anak perlu dibimbing supaya mereka tidak lari daripada landasan agama dan norma kehidupan. Bimbingan yang berterusan menjadikan anak-anak rapat dengan ibu bapa.
(f)	Ibu bapa perlu berbincang dalam keadaan rasional dengan anak-anak dan memberi peluang kepada mereka untuk memberikan idea dan pandangan.

